



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**KAJIAN TENTANG ALAT MUZIK TRADISIONAL ORANG
ULU:TEKNIK MEMAINKAN DAN PENALAAAN *JATUNG
UTANG*. SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG BUDAYA
SARAWAK.**

Caroline Ak Bidin

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Muzik)
2008

**KAJIAN TENTANG ALAT MUZIK TRADISIONAL ORANG ULU:TEKNIK
MEMAINKAN DAN PENALAAAN *JATUNG UTANG*. SATU KAJIAN KES DI
KAMPUNG BUDAYA SARAWAK.**

CAROLINE AK BIDIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Muzik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2008

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: **Kajian tentang Alat Muzik Tradisional Orang Ulu: Teknik Memainkan dan Penalaan *Jatung Utang*. Satu Kajian Kes di Kampung Budaya Sarawak.**

SESI PENGAJIAN : 2005/2008

Saya **CAROLINE ANAK BIDIN**

mengaku membenarkan tesis/ Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



Tandatangan Penulis

Tarikh : 7 MEI 2008

Alamat Tetap:

No. 47, Lorong 3B Taman Siang

95000 Sri Aman, Sarawak.



Tandatangan Penyelia

Tarikh: 7 MEI 2008

Connie Lim Keh Nio
Pensyarah
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Catatan: * Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda
* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Kajian tentang alat muzik tradisional Orang Ulu : Teknik memainkan dan penalaan *Jatung utang*. Satu kajian kes di Kampung Budaya Sarawak**' telah disediakan oleh **Caroline Ak Bidin** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian dalam program **Muzik**.

Diterima untuk diperiksa oleh:



Connie Lim Keh Nie

Tarikh:

7 MEI 2008

PENAKUAN

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat bahagian penyelidikan, dihasilkan atau dilaporkan dalam tesis ini yang telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk suatu ijazah atau kelulusan samada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.



(CAROLINE AK BIDIN)

No Matrik : 13829

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana oleh berkat-Nya saya telah berjaya menyiapkan projek penyelidikan tahun akhir ini walaupun telah mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan. Terima kasih buat penyelia yang menyelia penyelidikan saya ini iaitu Cik Connie Lim dan juga pensyarah serta tutor atas sokongan dan sumbangan idea mereka dalam menyiapkan projek penyelidikan tahun akhir ini.

Buat keluarga saya, saya amat berterima kasih atas segala galakan, sokongan, dorongan dan berkat daripada doa-doa mereka selama ini sehingga saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih juga buat rakan-rakan saya iaitu Cecilia Chai Ching Ping, Dalih Ason, Liza Agus, Noorazlin Alias, Siti Mariani Hamlin, Megat Sazali, Kartik Kumar, dan rakan-rakan dalam program muzik dari tahun satu hingga tahun lima .

Ribuan terima kasih diucapkan kepada pemberi maklumat saya iaitu Encik Dungau Tegong dan Encik Adan Lawai kerana tanpa kerjasama dan maklumat daripada mereka saya tidak mampu menyiapkan penyelidikan ini. Buat Stanly Marxpison Leo Richard Dael John yang pernah menjadi rakan setugas saya semasa latihan industri di Kampung Budaya sarawak, terima kasih di atas maklumat yang telah diberikan untuk membantu menyempurnakan penyelidikan ini. Semua jasa-jasa anda amat dihargai.

ABSTRAK

Jatung utang merupakan alat muzik tradisional masyarakat Kayan-Kenyah di Sarawak. *Jatung utang* merupakan *xylophone* kayu yang terdiri daripada sepuluh hingga dua belas kepingan kayu yang telah ditala kepada nada tertentu. Kajian ini merupakan satu kajian kes tentang teknik memainkan dan penalaan alat muzik *jatung utang* di Kampung Budaya Sarawak.

ABSTRACT

Jatung Utang is a traditional music instrument belongs to Kayan-Kenyah community in Sarawak. Jatung utang, a wooden xylophone which consists of ten to twelve wooden keys tuned to specific pitch. This research is base on the case study of the technique and the tuning of jatung utang in Sarawak Cultural Village.

ISI KANDUNGAN

Halaman Tajuk	i
Borang Pengesahan Status Tesis/Laporan	ii
Pengesahan dan Tandatangan Penyelia	iii
Pengakuan Pelajar	iv
Penghargaan	v
Abstrak	vi
<i>Abstract</i>	vii
Isi Kandungan	viii-x
1. BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-4
1.2 Matlamat Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Permasalahan Kajian	5-6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Hipotesis	6
1.8 Kajian Lepas	7-9
2. BAB 2 METODOLOGI PENYELIDIKAN	
2.1 Kaedah Primer	
2.1.1 Kaedah Etnografi	10
2.1.1a Kaedah Pemerhatian Dan Penglibatan	10
2.1.1b Kaedah Temubual	10
2.1.1c Kaedah Fotografi	11
2.1.1d Kaedah Rakaman	11
2.1.1e Kaedah Transkripsi Skor	11
2.2 Kaedah Sekunder	
2.2.1 Kaedah Historiografi	11

2.3	Peralatan Kajian	11-12
2.4	Lokasi Kajian	12-13

3. BAB 3 DAPATAN KAJIAN

3.1	Pengenalan	14-15
3.2	Proses Pembuatan <i>Jatung Utang</i>	16-21
3.3	Kaedah Penalaan	21
3.3.1	Kaedah Penalaan <i>Jatung Utang</i> Yang Dibuat Oleh Encik Dungau Tegong	22
3.3.2	Kaedah Penalaan <i>Jatung Utang</i> Yang Dibuat Oleh Encik Adan Lawai	23
3.4	Teknik memainkan <i>Jatung Utang</i>	
3.4.1	Cara Pemegangan Pengetuk	24-25
3.4.2	Cara Memainkan <i>Jatung Utang</i>	25-27
3.5	Transkripsi Skor Muzik Repertoir <i>Jatung Utang</i>	28-30
3.6	Analisis Skor Repertoir <i>Jatung Utang</i>	
3.6.1	Teknik Memainkan Repertoir <i>Eng-Tang Takoh</i>	31
3.6.2	Perbandingan Dari Aspek Melodi Dan Ritma	31-33

4. BAB 4 PERBINCANGAN

4.1	Aspek Penalaan	34-36
4.2	Perbandingan Dari Aspek Pembuatan <i>Jatung Utang</i> Yang Digantung Menggunakan Tali Dan Hanya Diletakkan Di Atas Penyalun	37
4.3	Kesan Perkembangan Teknologi Mempengaruhi Keaslian Alat Muzik <i>Jatung Utang</i>	37-38

5. BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Rumusan	39
5.2	Cadangan-Cadangan	41

5.2.1	Mengupah Tenaga Pengajar Yang Mahir Memainkan Alat Muzik <i>Jatung Utang</i>	41
5.2.2	Mengadakan Bengkel Kepada Muda-Mudi	42
5.2.3	Menambahkan Repertoir <i>Jatung Utang</i> Untuk Dimainkan Kepada Orang Luar	42
5.2.4	Membuat Sudut Khas Untuk Alat Muzik Orang Ulu Dan Mendemonstrasikan Cara Memainkan Alat-Alat Muzik Tersebut	42-43
5.2.5	Menerbitkan Rancangan Untuk Menyiarkan Dokumentari Mengenai Alat-Alat Muzik Tradisional Etnik Sarawak	43-44
5.3	Kesimpulan	44
	Bibliografi	45-46
	Glosari	47
	Lampiran A	48-51
	Lampiran B	52

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dan turut dikenali sebagai negeri Bumi Kenyalang. Sarawak dibahagikan kepada 11 bahagian iaitu Kuching, Sri Aman, Sibul, Bintulu, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit, Kota Samarahan, Mukah dan Betong yang dipimpin oleh seorang Residen. Sarawak mempunyai lebih daripada 30 suku kaum minority dan tiga suku kaum etnik utama di Sarawak adalah kaum Iban, kaum Bidayuh dan kaum Orang Ulu. Sarawak mempunyai banyak tempat pelancongan yang menjadi tumpuan pelancongan setiap tahun, salah satunya adalah Kampung Budaya Sarawak.

Kampung Budaya Sarawak terletak di kaki gunung Santubong iaitu 35 km dari Bandar Kuching. Ia telah dibina dalam tahun 1980 dan dirasmikan oleh Dr. Mahathir Mohammad pada 15 Februari 1990. Keluasan Kampung Budaya ini adalah 17 hektar dengan kos pembinaan berjumlah RM9 juta. Ia turut dikenali sebagai muzium hidup kerana binaan bangunan yang melambangkan setiap kaum utama yang terdapat di Sarawak dengan menggabungkan sejarah, cara hidup yang menggambarkan budaya sesebuah kaum di Sarawak. Terdapat tujuh buah rumah yang dibina di sekeliling kawasan Kampung Budaya iaitu Rumah Etnik Bidayuh, Rumah Etnik Iban, Rumah Penan, Rumah Etnik Orang Ulu, Rumah Tinggi Melanau, Rumah Melayu dan Rumah Cina. Di setiap rumah-rumah tersebut terdapat seorang ketua rumah yang berfungsi sebagai pencerita kepada para pelancong yang datang melawat.

Pencerita akan menceritakan serba ringkas mengenai sejarah, cara hidup dan budaya bagi setiap rumah kaum tersebut. Rumah Etnik Orang Ulu merupakan salah satu daripada rumah etnik di Kampung Budaya Sarawak. Rumah etnik tidak begitu panjang dan mempunyai empat bilik. Reka bentuk rumah tersebut dibina menyerupai rumah panjang sebenar kaum Orang Ulu sebenar. Rumah panjang Orang Ulu dibina tinggi daripada permukaan bumi bagi mengelakkan serangan musuh pada zaman dahulu.

Orang Ulu bermaksud orang yang tinggal di kawasan ulu sungai dan masyarakat Orang Ulu terbahagi kepada beberapa lagi suku kaum minoriti. Menurut Seling dan Langup (1989), masyarakat Orang Ulu merangkumi bilangan kumpulan orang asli yang banyak di mana dalam peraturan 3(11) perlembagaan *Orang Ulu National Association* (OUNA) menyatakan terminologi “Orang Ulu” merujuk kepada suku Bukitan, Bisaya, Kayan, Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Kelabit, Kenyah (termasuk Sebop, Seping, Kiput, Badang dan Berawan), Lugat, Lisum, Murut (Lun Bawang), Penan, Sian, Tabun, Ukit, Saban. Biasanya kaum ini boleh ditemui di bahagian Kapit iaitu Belaga, bahagian Miri, dan bahagian Limbang.

Menurut Rousseau dan Whittier pada tahun 1978 yang dipetik oleh Seling dan Langub (1989), kaum Kayan dan Kenyah terdiri daripada kumpulan yang besar dalam masyarakat Orang Ulu. Dua kumpulan ini terdapat di Batang Kayan, Kalimantan Indonesia Borneo dan ditemui di Sarawak dan Kalimantan. Oleh itu, kedua-dua kumpulan ini mengamalkan corak hidup yang hampir sama disebabkan kedudukan kawasan perkampungan atau kediaman mereka tidak jauh antara satu sama lain iaitu di sekitar daerah Belaga, Ulu sungai Baram dan Batang Rajang.

Masyarakat Orang Ulu mempunyai acara kebudayaan yang tersendiri seperti tarian tradisional, repertoire tradisional seperti pantun di mana ia dijadikan hiburan pada masa lapang. Kegiatan kebudayaan ini diadakan untuk menghilangkan rasa penat setelah melakukan aktiviti harian. Biasanya aktiviti kebudayaan ini diajar kepada masyarakat Orang Ulu sejak dari kanak-kanak lagi dan ia dilakukan di *ruai* rumah panjang. Masyarakat Orang Ulu juga mempunyai alat muzik tradisional tersendiri. Peralatan tradisional yang terdapat di Sarawak boleh dikategorikan kepada beberapa kategori. Menurut sistem klasifikasi Hornbostel dan Sach pada 1914, alat muzik bertali adalah kategori kordofon, alat muzik pukulan di bawah kategori idiofon, alat muzik yang mengeluarkan bunyi yang diperbuat daripada kulit dikategorikan sebagai membranofon, alat muzik yang tiupan dikategorikan sebagai aerofon. Oleh itu, alat muzik orang ulu terdiri daripada alat muzik kordofon yang dikenali sebagai *sape*, *sape* juga merupakan alat muzik yang menjadi simbol kepada masyarakat Orang Ulu. Alat muzik aerofon dikenali sebagai *keringut*, seruling buluh (*bamboo flute*), dan juga alat muzik idiofon dikenali sebagai *jatung utang* yang diperbuat daripada kayu. Namun demikian, perkembangan peralatan tradisional ini tidak segiat peralatan moden yang mempunyai nada asal dan nada baru. Perbezaan ini agak ketara namun sekiranya kita memilih menggabungkan kesemua alat muzik ini menjadi satu kumpulan, ianya boleh menghasilkan muzik yang merdu dan menarik.

Rumah Panjang Orang Ulu di Kampung Budaya juga turut mempunyai alat-alat muzik ini seperti *sape* dan juga *jatung utang* yang diletakkan di *ruai* rumah panjang tersebut. Alat muzik ini akan dimainkan sekiranya terdapat para pelancong yang mengunjungi rumah panjang ini. Muzik *sape* akan dimainkan untuk mengiringi Tarian

Selamat Datang yang dipersembahkan dan *jatung utang* dimainkan sebagai hiburan untuk para pengunjung.

Jatung utang mendapat nama daripada orang-orang terdahulu yang mana *jatung* itu bermaksud alat yang diketuk, manakala *utang* pula berasal daripada perkataan *lutang* yang bermaksud kayu yang telah dikopak yang dipukul. Jadi dapatlah disimpulkan *jatung utang* adalah alat yang berasal daripada kayu yang telah dikopak yang dipukul atau diketuk. Menurut Chong (2000), *jatung utang* mempunyai pelbagai ejaan nama, antaranya *tuvung lutang (Kayan)*, *jatung utaq (Kenyah-Badang)* dan *jatung 'utog (Kenyah-Badang)*.

Kajian ini akan memberi penumpuan kepada teknik atau cara memainkan alat muzik dari suku kaum Kayan, Kenyah daripada kategori idiofon iaitu *wooden xylophone* yang dikenali sebagai *jatung utang*. Kajian ini bertujuan untuk mengekalkan khazanah dengan menggunakan pelbagai media untuk mempromosikan di samping memperkenalkan alat muzik *jatung utang* dan membuka minda masyarakat setempat dengan merakam audio-visual dan membukukan kajian tentang alat muzik tersebut, seterusnya ianya akan menjadi bahan rujukan di masa hadapan.

1.2 Matlamat Kajian

Objektif dalam kajian ini adalah ingin memperkenalkan dan memelihara alat muzik *jatung utang* kepada masyarakat luar terutama bagi suku kaum Kayan-Kenyah sendiri dengan mendokumentasikannya dalam bentuk visual dan audio.

1.3 Objektif kajian

1. Mengkaji dan menganalisis teknik memainkan *jatung utang*.
2. Merakam video dan mendokumentasikan teknik memainkan *jatung utang*.
3. Menganalisis kaedah penalaan *jatung utang*.
4. Menganalisis dan membuat transkripsi dua jenis repertoir *jatung utang* yang dirakam semasa kajian lapangan dilakukan dalam bentuk sistem notasi barat.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini akan memberi penumpuan terhadap teknik memainkan alat muzik *jatung utang* dan kaedah penalaannya di Rumah Etnik Orang Ulu di Kampung Budaya Sarawak. Populasi kajian adalah dua orang iaitu Encik Dungau Tegong dan Encik Adan Lawai. Mereka merupakan pemain dan pembuat alat muzik tradisional *jatung utang* dan *sape* di Rumah Etnik Orang Ulu yang bertugas di Kampung Budaya Sarawak berasal dari suku kaum Kenyah.

1.5 Permasalahan Kajian

Alat muzik tradisional Orang Ulu iaitu *jatung utang* ini kurang dikenali oleh masyarakat luar kerana ia hanya dipersembahkan untuk mengiringi *sape* dan hanya dipersembahkan ketika perayaan Gawai sahaja.

Kurangnya pendedahan serta kurang mempunyai tenaga pengajar yang mahir memainkan alat muzik ini menyebabkan suku kaum Kayan dan Kenyah yang telah berhijrah ke bandar terutama generasi muda tidak tahu memainkan alat muzik ini .

Kemunculan alat-alat muzik moden seperti gitar, drum dan sebagainya menyebabkan ramai generasi muda kurang berminat untuk mempelajari dan memainkan alat muzik tradisional ini.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah memberi pengetahuan dan maklumat tentang alat muzik *jatung utang* terutama generasi muda sekarang. Selain itu, pengalihan melodi dan ritma yang dimainkan ke dalam penulisan notasi muzik barat untuk memudahkan para pemain muzik serta pelancong luar dapat mengetahui gambaran bunyi melodi dan mempelajari cara memainkan alat muzik tradisional ini.

Selain itu, mendokumentasikan kajian untuk dijadikan simpanan dan rujukan pada masa akan datang. Sekiranya kajian ini tidak dijalankan, generasi muda suku kaum Kayan dan Kenyah khasnya dan generasi muda kini tidak akan mengenali alat muzik tradisional ini dan ia akan pupus pada masa yang akan datang dan ini merupakan perbezaan yang ketara sekiranya kajian ini dijalankan ataupun tidak kerana sebelum ini belum ada kajian yang mendalam dijalankan dan belum pernah dibukukan lagi buku penuh tentang alat muzik tradisional *jatung utang* ini.

1.7 Hipotesis

- i. Penalaan bagi setiap *jatung utang* dalam skala pentatonik tidak mempunyai standard nada yang sama.
- ii. *Jatung utang* kini bukan lagi dalam skala pentatonik kerana terdapat penambahan batang kayu daripada 10 keping ke 12 keping kayu.

1.8 Kajian Lepas

Jatung utang merupakan alat muzik di bawah kategori idio fon. Bentuk alat muzik ini hampir sama dengan *xylophone* tetapi bahan pembuatan yang berlainan di mana *jatung utang* diperbuat daripada kayu lembut. Pada awalnya *jatung utang* dimainkan untuk tujuan hiburan sahaja namun kini ia juga turut dipersembahkan untuk mengiringi *sape*, ia biasanya dimainkan di *ruai* rumah panjang.

Definisi Xylophone:

Menurut buku *Musical Instrument of The World: An Illustrated Encyclopedia* (1997), *xylophone* adalah satu set bar kayu yang telah diberi penalaan dan dipukul menggunakan kayu pemukul untuk menghasilkan melodi atau bunyi. Bar kayu ini disusun mengikut urutan pic. *Xylophone* kayu ini biasanya terdapat di Afrika dan juga di Asia Tenggara.

Definisi Jatung Utang:

Menurut buku *The New Grove Dictionary of Musical Instruments*(1984), *jatung utang* merupakan *xylophone* bagi suku kaum Kenyah di Kalimantan Timur.

Kajian Secara Ringkas Mengenai Penalaan Jatung Utang:

Menurut Chong (1989), alat muzik *jatung utang* ini telah ditala dalam pitch yang tertentu. Menurut beliau lagi biasanya ia ditala dalam skala pentatonik (5 ton) dan ia dibuat dalam dua oktaf Beliau juga mengatakan *jatung utang* ini akan lebih efektif jika dimainkan bersama dengan *sape*.

Menurut Chong (2000), *jatung utang* mempunyai 10 hingga 11 keping kayu yang mempunyai nada yang tersendiri dan disusun secara mendatar merentangi sebuah kayu. Ukuran dan ketebalan kepingan kayu bergantung kepada nada yang ingin ditala pada setiap kepingan kayu tersebut. Pemain bagi alat muzik ini akan memainkan dari kiri ke kanan di mana kepingan kayu yang pendek mempunyai nada yang tinggi sebaliknya kepingan yang panjang mempunyai nada rendah.

Menurut Matusky (1990), *xylophone* di Uma Badang menggunakan 10 kepingan kayu yang menghasilkan dua oktaf nada daripada lima ton skala dengan skala pentatonik yang tidak menggunakan semiton dan menggunakan jurang *minor third* diantara skala degree kedua dan ketiga nada pada kepingan tersebut. Skala pentatonik dimulakan dengan Do menggunakan nada G, kemudian Re menggunakan nada A, seterusnya Fa menggunakan C, So menggunakan nada D dan skala kelima iaitu La menggunakan nada E.

Menurut Matusky (2004), alat muzik ini ditala dalam *pentatonic scale* tanpa semiton iaitu skala anhemitonik.

Kajian Secara Ringkas Alat Muzik *Jatung Utang*:

Menurut Matusky (1990), adalah dari kategori idiofon dan masih boleh didapati di sebahagian tempat di Sarawak iaitu sepanjang Sungai Rejang, antaranya Rumah Panjang Kayan dan Kenyah-Badang di Uma Apan dan Uma Nyaveng (di Kaki Menjawah), dan Rumah Panjang Kenyah-Badang di Uma Badang di Long Dungan dan

Kenyah Umaq Jalan yang mana kesemuanya terletak di Belaga (bahagian Kapit, Sarawak)

Menurut Matusky (2004), *jatung utang* merupakan *xylophone* yang merupakan alat muzik tambahan dalam ensemble dua *sape* untuk mengiringi tarian. Namun demikian alat muzik ini dipercayai berasal dari Asia Tenggara sejak berkurun lagi.

Kajian Mengenai Pembuatan *Jatung Utang*:

Namun menurut kajian Matusky (1990), *jatung utang* yang ditemui di Uma Nyaveng pada 1984 dari suku kaum Kenyah Badang diperbuat daripada kayu Jelutong. Pembuatan *jatung utang* dimulakan dengan menghasilkan penyalunnya (tempat sokongan). Ia juga mempunyai dua pemukul untuk mengetuk kepingan kayu bagi menghasilkan nada.

BAB 2

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Bagi menjalankan kajian ini, kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat yang berkaitan adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif yang terbahagi kepada dua cara iaitu data primer dan data sekunder.

2.1 Kaedah Primer

2.1.1 Kaedah Etnografi

Kajian lapangan dilakukan untuk mendapatkan maklumat ataupun data ke lokasi kajian supaya maklumat yang diperolehi mencapai matlamat dan objektif kajian.

2.1.1a Kaedah Pemerhatian dan Penglibatan

Pengkaji membuat kajian lapangan ke kawasan kajian di mana terdapatnya alat muzik ini iaitu di Rumah Etnik Orang Ulu, Kampung Budaya dengan memerhati keadaan budaya dan cara memainkan alat muzik ini kemudian mengambil bahagian dengan mencuba untuk memainkan sendiri alat muzik tersebut.

2.1.1b Kaedah Temubual

Menemubual orang tua yang mahir memainkan alat muzik ini berdasarkan pengalaman beliau dalam memainkan serta boleh membuat alat muzik ini. Pengkaji akan menemubual dua orang pemberi maklumat (*informant*) yang merupakan pembuat alat muzik ini dan juga pemuzik yang pandai memainkan alat muzik ini di kawasan kajian.

2.1.1c Kaedah Fotografi

Mengambil gambar tentang bagaimana teknik atau cara-cara memainkan alat muzik ini dengan menggunakan menggunakan camera digital jenama *Canon IXUS 750*.

2.1.1d Kaedah Rakaman

Temubual bersama pemberi maklumat juga dirakam serta teknik-teknik memainkan alat muzik ini turut dirakam ketika pemberi maklumat memainkan lagu repertoir alat muzik ini.

2.1.1e Kaedah Transkripsi Skor

Pengkaji akan membuat transkripsi repertoir *jatung utang* kepada skor sistem notasi barat. Transkripsi ton atau pic akan dibuat secara lisan dengan menggunakan piano sebagai tanda aras untuk mendapatkan pic yang terdekat. Repertoir *jatung utang* yang telah dirakam akan dimainkan dan didengar berulang kali bagi mengesan nada-nada atau pic yang terdekat menggunakan piano.

2.2 Kaedah Sekunder

2.2.1 Kaedah Historiografi

Pembacaan daripada buku yang berkaitan dengan kajian, Jurnal di Pusat Khidmat Maklumat Akademik Universiti Malaysia Sarawak, Pusat Seni Warisan di Kampung Budaya Sarawak dan *Dayak Cultural Foundation* bagi mengumpul maklumat.

2.3 Peralatan Kajian

Peralatan yang digunakan untuk menjalankan proses kajian seperti penggunaan

video camera *DVX (Digital Video X) Panasonic* untuk merakam visual temubual dan klip mikrofon *Audio Technica* untuk merakam audio temubual dan juga merakam teknik memainkan repertoir *jatung utang*, *M-Audio (Multimedia Audio)* juga digunakan untuk merakam sample-sample bunyi bagi rujukan data yang ingin disampaikan.

Perisian-perisian juga digunakan untuk menyunting hasil rakaman seperti *Steinberg Cubase Sx Version 2.0.1* merupakan perisian yang digunakan untuk menyunting audio, perisian ini digunakan oleh pengkaji untuk menyunting rakaman audio agar hasil rakaman lebih jelas dan berkualiti, perisian *Adobe Premiere Pro version 2* merupakan perisian penyuntingan visual dan pengkaji menggunakan perisian ini untuk menyunting visual rakaman temubual. Perisian *Sibelius version 3* merupakan perisian untuk membuat notasi skor muzik dan perisian ini turut digunakan untuk membuat notasi bagi lagu yang dirakam untuk disalin ke dalam skor muzik.

2.4 Lokasi Kajian

Kajian lapangan untuk pengumpulan data akan dijalankan di Rumah Etnik Orang Ulu, Kampung Budaya Sarawak. Tempat ini dijadikan tempat kajian kerana terdapat pemain dan pembuat *jatung utang* yang berasal dari suku kaum Kenyah.



Gambar rajah 2.1
Peta yang menunjukkan lokasi kajian iaitu Kampung Budaya Sarawak



Gambar rajah 2.2

Gambar lokasi kajian iaitu Rumah Etnik Orang Ulu di Kampung Budaya Sarawak



Gambar rajah 2.3

Gambar lokasi kajian iaitu tempat membuat peralatan parang, Rumah Etnik Orang Ulu di Kampung Budaya Sarawak